

Institusi Kewangan Perlu Pastikan Individu Berupaya Bayar Semula Pinjaman Bernama
02 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Institusi kewangan perlu memastikan bahawa pembiayaan hanya diberikan kepada individu yang mempunyai keupayaan membayar semula pinjaman sepanjang tempoh pembiayaan, persidangan Dewan Negara diberitahu Rabu.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai ketika menjawab soalan Senator Norliza Abdul Rahim berkata usaha ini bertujuan memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit yang mapan serta tahap keberhutangan kumulatif isi rumah kekal sejajar dengan kemampuan kewangan sektor tersebut.

Beliau berkata bagi tempoh 10 tahun, paras keberhutangan sektor isi rumah di negara ini meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 12.5 peratus mencakupi 76.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2011 serta merangkumi 55 peratus daripada jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan.

"Peningkatan paras keberhutangan ini adalah disokong oleh peningkatan tahap pendapatan, keadaan pekerjaan yang stabil serta penilaian kredit yang kukuh oleh institusi kewangan," katanya.

Menurut Lim, pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan adalah penting bagi memastikan paras keberhutangan sektor isi rumah sentiasa berada pada tahap terkawal sekaligus menggalakkan sektor tersebut untuk terus menikmati kemudahan kredit pinjaman mengikut kemampuan masing-masing.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663257>